

PILIHAN BAHASA DAN VITALITI DIALEK MELAYU SATUN DALAM DOMAIN KELUARGA DI DAERAH MUANG SATUN, THAILAND BERDASARKAN ANALISIS DOMAIN

(Language Choice and Vitality of Satun Malay Dialect in the Family Domain in Muang Satun District, Thailand: A Domain Analysis)

Juwati Abdullah¹  

juwati@uum.edu.my

Mohd Khaidir Abdul Wahab²  

mohdkhaidir@usm.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.¹

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (Coresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Juwati Abdullah, & Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2025). Pilihan bahasa dan vitaliti dialek Melayu Satun dalam domain keluarga di daerah Muang Satun, Thailand berdasarkan analisis domain. *Jurnal Bahasa*, 25(2), 1–30. [https://doi.org/10.37052/jb25\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb25(2)no1)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	14/3/2025	Semakan: Revised	12/6/2025	Terima: Accepted:	10/9/2025	Terbit dalam talian: Published online:	28/11/2025
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	------------

Abstrak

Satun yang terletak bersempadan dengan negeri Perlis di utara semenanjung Malaysia merupakan destinasi pelancongan utama bagi pengunjung dari seluruh dunia, termasuklah pengunjung dari Malaysia. Faktor bahasa antara tarikan pelancong dari Malaysia,

namun berdasarkan kajian lepas, dialek tempatan, iaitu dialek Melayu Satun (DMS), kini mula menunjukkan situasi ke arah peralihan bahasa. Oleh itu, kajian dilakukan untuk mengenal pasti pilihan bahasa dan menganalisis tahap vitaliti DMS dalam kalangan 124 pekerja produk pelancongan (PPP) di daerah Muang Satun bagi meneliti, sama ada pekerjaan (bidang pelancongan) mempunyai pengaruh terhadap pilihan bahasa atau tidak dalam domain keluarga. Pendekatan yang mendasari kajian ini ialah analisis domain oleh Fishman (1972) dan Kerangka Tahap Keterancaman Bahasa UNESCO (LVE) (2011). Data dianalisis melalui tabulasi silang dalam perisian Statistical Packages of Social Science (SPSS) versi 27 bagi mendapatkan peratusan pilihan bahasa mengikut kumpulan umur yang seterusnya dilakukan triangulasi melalui kerangka LVE (2011) bagi menentukan tahap vitaliti bahasa. Dapatan kajian berdasarkan peratusan pilihan bahasa PPP menunjukkan bahawa DMS masih berada pada Tahap 4, iaitu tahap stabil, namun terancam kerana masih digunakan pada tahap sederhana dalam kalangan penutur kumpulan tua dan kumpulan dewasa, tetapi makin kurang digunakan dalam kumpulan muda dalam semua subdomain yang dikaji. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan DMS oleh PPP dalam domain keluarga mula menampakkan ciri peralihan bahasa. Oleh itu, PPP disarankan untuk mula mengambil langkah yang wajar bagi memastikan DMS terus kekal dan diwarisi oleh generasi seterusnya.

Kata kunci: Pilihan bahasa, kumpulan umur, pekerja produk pelancongan, Dialek Melayu Satun (DMS), vitaliti bahasa, peralihan bahasa

Abstract

Satun, which borders the state of Perlis in northern Peninsular Malaysia, is a major tourism destination for visitors from around the world, including those from Malaysia. Language is among the factors that attract Malaysian tourists. However, previous studies indicate that the local variety, the Satun Malay dialect (DMS), has begun to exhibit tendencies toward language shift. Therefore, this study was conducted to identify language choice and to analyse the vitality level of DMS among 124 tourism product workers (PPP) in the Muang Satun district, with the aim of examining whether employment (in the tourism sector) influences language choice in the family domain. The study is grounded in Fishman's (1972) domain analysis and UNESCO's Language Vitality and Endangerment (LVE) Framework (2011). Data

were analysed through cross-tabulations using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) version 27 software to obtain the percentage distribution of language choices across age groups, followed by triangulation using the LVE (2011) framework to determine the level of language vitality. The findings, based on the percentage of PPP's language choices, reveal that DMS was at level 4, which is stable yet threatened as it continues to be moderately used among older and adult speakers, but is declining among young speakers across all examined subdomains. This suggests that the use of DMS by PPP in the family domain is beginning to display features of language shift. Hence, PPP are encouraged to take appropriate measures to ensure that DMS is preserved and transmitted to future generations.

Keywords: Language choice, age group, tourism product workers, Satun Malay Dialect (DMS), language vitality, language shift

PENDAHULUAN

Satun ialah wilayah di selatan Thailand yang terletak bersempadan dengan negeri Perlis di utara semenanjung Malaysia. Wilayah ini merupakan wilayah pelancongan yang mampu menarik pelancong dari seluruh pelosok dunia, termasuklah pelancong dari Malaysia (Satun Travel Guide, 2025). Bagi pelancong Malaysia, selain tarikan destinasi pelancongan dan kepelbagaian jenis makanan yang unik, faktor bahasa juga antara tarikan utama kerana memudahkan komunikasi (Muhammad Ekmal, 2018). Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun dialek Thai Selatan (DTS) dan bahasa Thai standard (BTS) merupakan bahasa utama di selatan Thailand, terdapat sebilangan penduduk Satun yang masih boleh berbahasa Melayu dengan mengekalkan dialek tempatan, iaitu dialek Melayu Satun (DMS) yang kini berstatus bahasa minoriti (Asmah Haji Omar, 2019; Hayati Lateh et al., 2016; Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2019). Penduduk Satun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan sejak permulaan abad ke-19 dan kawasan ini merupakan kawasan penyebaran asal bahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 1993). Perkahwinan campur antara kaum Melayu dengan kaum Siam asli di kawasan tersebut melahirkan kaum peranakan yang dikenali sebagai kaum peranakan Sam-sam (Noriah Mohamed & Omar Yusoff, 2010). Pertembungan bahasa melalui faktor perkahwinan dan faktor lain, termasuklah perkembangan sektor pelancongan, menghasilkan masyarakat dwibahasa dan multibahasa di Satun. Situasi ini memberikan kesan terhadap vitaliti DMS kerana

kajian yang dilakukan oleh sarjana, seperti Hayati Lateh et al. (2016) dan Sumaiyah Menjamin (2018), menunjukkan bahawa dialek ini makin dipinggirkan oleh generasi muda. Oleh itu, pengkaji meninjau pilihan bahasa berdasarkan kumpulan umur dalam kalangan penutur DMS yang merupakan pekerja produk pelancongan (PPP) bagi meneliti pengekaln atau vitaliti DMS dalam kalangan kelompok penutur ini, sama ada masih berada pada tahap selamat atau mula menunjukkan tanda ke arah peralihan bahasa.

Permasalahan Kajian

Perkembangan dalam sektor pelancongan dapat memberikan pelbagai impak terhadap vitaliti bahasa di kawasan pelancongan, seperti di wilayah Satun. Terdapat kajian yang membuktikan bahawa aktiviti pelancongan menggalakkan peningkatan penggunaan bahasa asing (James & Rosazman Hussin, 2021). Hal ini menyebabkan penutur multibahasa di kawasan pelancongan, seperti Satun, menggunakan bahasa atau dialek yang dikuasainya secara bercampur aduk. Secara tidak langsung, keadaan ini memberikan kesan terhadap vitaliti bahasa di kawasan berkenaan, khususnya terhadap DMS. Selain fenomena ini, faktor lain, seperti proses asimilasi, faktor politik dan faktor ekonomi, turut mengakibatkan DMS bukan sahaja beransur-ansur hilang ciri keasliannya, malah makin dipinggirkan oleh kebanyakan generasi muda (Hayati Lateh et al., 2016; Sumaiyah Menjamin, 2018). Situasi ini seiring dengan pernyataan Teo Kok Seong (2000) dan Siti Noraini Hamzah (2018), iaitu fenomena bahasa, khususnya pengekaln atau peralihan bahasa ialah fenomena yang berlaku secara global dan disebabkan oleh pelbagai faktor, dan keadaan ini menyebabkan kemerosotan atau kecairan sesuatu bahasa atau dialek secara perlahan-lahan.

Di wilayah Satun, banyak sarjana mendapati bahawa DMS mula mengalami kemerosotan akibat asimilasi dan pengaruh bahasa Thai yang lebih dominan. Situasi bahasa di Satun agak berbeza daripada situasi pengekaln bahasa di tiga wilayah lain di Selatan Thailand, iaitu Patani, Narathiwat dan Yala. (Christopher et al., 2021; Conlon, 2012; Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2019), iaitu bahasa Melayu masih lestari. Kini, DMS hanya dituturkan oleh penutur yang berusia 50 tahun ke atas kerana generasi muda didapati lebih selesa untuk bertutur dalam DTS dan BTS. Dialek Melayu Satun didapati berpotensi untuk pupus pada suatu hari nanti jika tiada sebarang usaha pemeliharaan atau pengekaln bahasa dilakukan (Hayati Lateh et al., 2016, 2020; Norizah Ardi, & Nor Hisham

Osman, 2010; Sumaiyah Menjamin, 2018). Namun begitu, kajian yang meneliti vitaliti DMS dalam kalangan pekerja yang terlibat dalam sesuatu bidang pekerjaan secara khusus, seperti pekerja produk pelancongan, tidak ditemukan. Kajian vitaliti DMS dalam kalangan penutur kelompok ini penting kerana golongan ini merupakan masyarakat dwibahasa dan multibahasa yang cenderung untuk memilih bahasa mengikut kesesuaian dan keperluan pekerjaan yang melibatkan interaksi dengan pelancong yang mempunyai pelbagai latar belakang. Situasi ini dibimbangi turut mempengaruhi pemilihan bahasa golongan ini dalam domain keluarga yang sekali gus mempengaruhi vitaliti DMS. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam konteks pelancongan di Satun, BTS dan bahasa Inggeris (BI) dianggap sebagai bahasa yang penting, terutamanya di premis pelancongan yang bertaraf antara tiga bintang hingga lima bintang (Sanmamood, 2024). Oleh itu, penyelidikan yang khusus yang berkaitan dengan kajian pilihan bahasa perlu diberikan perhatian secara khusus terhadap kelompok ini sebagai langkah awal pengekalan DMS. Hal tersebut mendorong pengkaji untuk melakukan kajian ini, di samping menumpukan penelitian terhadap kecenderungan golongan ini untuk mewariskan DMS kepada generasi seterusnya.

Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk memenuhi dua objektif, iaitu:

1. Mengenal pasti pilihan bahasa dalam kalangan PPP mengikut kumpulan umur dalam domain keluarga di daerah Muang Satun, wilayah Satun, Thailand.
2. Menganalisis tahap vitaliti DMS melalui pilihan bahasa PPP mengikut kumpulan umur dalam domain keluarga di daerah Muang Satun, wilayah Satun, Thailand berdasarkan Kerangka Tahap Keterancaman Bahasa oleh UNESCO (2011).

KAJIAN LEPAS

Vitaliti bahasa dalam masyarakat minoriti dapat dilihat dalam dua dimensi (subjektif dan objektif), iaitu melibatkan fakta dan tingkah laku, manakala satu dimensi lagi melibatkan persepsi dan perwakilan (Corbeil et al., 2006). Bagi Harwood et al. seperti yang dinyatakan dalam Corbeil et al. (2006), vitaliti subjektif melibatkan penentuan tingkah laku antara etnik dengan bahasa, manakala vitaliti objektif pula diukur melalui

bilangan atau jumlah, maklumat demografi, status sosial atau politik. Giles dan Johnson (1981) pula menyarankan agar penelitian yang bersesuaian dalam aspek penilaian vitaliti perlu melibatkan kedua-dua dimensi. Oleh itu, kajian yang berkaitan dengan pilihan bahasa merupakan sebahagian daripada dimensi vitaliti bahasa kerana dapat memperlihatkan fenomena penggunaan bahasa sesuatu kelompok dengan lebih jelas dan menjadi satu daripada petunjuk atau penentu vitaliti sesuatu bahasa.

Di Thailand, pelbagai cabang kajian vitaliti bahasa dilakukan, khususnya terhadap fenomena pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti, seperti dialek Melayu Patani (DMP) dalam kalangan penutur bahasa Melayu di wilayah Patani, Narathiwat dan Yala, serta penutur dialek Melayu Satun di Satun, mahu pun dialek kaum minoriti lain di kawasan tertentu di negara tersebut. Menerusi kebanyakan kajian ini, polanya selari, iaitu dialek atau bahasa minoriti, masih dapat dipertahankan walaupun pola penggunaannya mula menunjukkan perubahan.

Di wilayah Satun, Hayati Lateh et al. (2023) meneroka sikap dan persepsi penutur DMS di mukim Che Bilang, Ban Khuan dan Tam Malang berdasarkan tiga peringkat umur dengan menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif melalui soal selidik terhadap 121 orang responden. Pengkaji tersebut mendapati bahawa walaupun ketiga-tiga peringkat umur menunjukkan sikap dan persepsi yang positif, fenomena peralihan bahasa mula kelihatan apabila golongan dewasa dan remaja mempunyai persepsi dan sikap yang kurang positif terhadap DMS berbanding dengan golongan tua. Vitaliti atau pengekalan bahasa juga dapat ditinjau dari konteks fenomena bahasa. Warid Charoenrad (2022) misalnya, menyelidik fenomena bahasa yang mengkhususkan kata kerja gerak tubuh (motion) di daerah Langu, wilayah Satun dengan cara meneliti variasi penggunaan 51 unit leksikal dialek Melayu berdasarkan kumpulan umur penutur terhadap 30 orang responden, masing-masing 10 orang daripada setiap kumpulan umur (tua, dewasa dan muda). Dengan berdasarkan data soal selidik dan rakaman, Warid Charoenrad juga mendapati bahawa kumpulan tua dan kumpulan dewasa banyak menggunakan dialek Melayu, diikuti oleh campuran antara kata baharu dengan kata lama dalam variasi DTS. Kumpulan muda (kanak-kanak dan remaja) pula lebih banyak menggunakan dialek Melayu, diikuti oleh campuran antara kata baharu dengan kata lama dalam variasi BTS. Pengkaji tersebut menyimpulkan bahawa fenomena bahasa berlaku disebabkan oleh variasi leksikal dan kontak bahasa dan dialek, serta menegaskan bahawa fenomena

percampuran bahasa lebih memudaratkan keaslian dan kelestarian dialek Melayu di Satun jika tiada usaha pengekalan bahasa dilakukan.

Sebelumnya, Hayati Lateh et al. (2016) meneliti penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian masyarakat penutur di wilayah Satun dan menyelidik variasi bahasa DMS yang terdapat di kawasan tersebut. Pengkaji tersebut merumuskan bahawa penduduk Satun masih mengekalkan DMS dengan meluas di beberapa mukim, iaitu DMS variasi dialek Kedah di mukim Che Bilang dan Tanyong Po, dan DMS variasi dialek Perlis (Kuala Perlis) dengan unsur nada dan kata Thai di mukim Tammalang. Di mukim Bankhuan pula, DMS (variasi dialek Kedah) juga masih kekal, namun terdapat pengaruh nada Thai. Contohnya, penyebutan leksikal /ŋŭʷa/ atau “nyua”, iaitu “kelapa” yang memperlihatkan pengaruh nada dialek Thai Selatan terhadap tekanan suara (voice stress). Dapatan Hayati et al. (2016) ini menggambarkan vitaliti DMS secara umum di kawasan kajian. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyelidik tahap pengekalan bahasa dalam kelompok penutur yang khusus, seperti kelompok penutur DMS yang bekerja dalam bidang pelancongan, kerana kelompok ini banyak berinteraksi dengan pelancong yang datang dari pelbagai latar.

Dari sudut penggunaan bahasa dalam konteks rasmi dan tidak rasmi pula, Norizah Ardi dan Nor Hisham Osman (2010) menyelidik pemeliharaan bahasa ibunda (bahasa Melayu) dalam kalangan masyarakat Islam di wilayah Satun, Thailand. Pengkaji tersebut menggunakan kaedah pemerhatian terhadap penggunaan bahasa penduduk tempatan ketika berkomunikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya penduduk di beberapa kampung yang masih menggunakan DMS yang terdiri daripada golongan tua (berumur 50 tahun ke atas). Namun begitu, kebanyakan kanak-kanak bertutur secara dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dialek Satun dan bahasa Thai, dalam perhubungan seharian. Pengkaji ini merumuskan bahawa bahasa Melayu di wilayah Satun digunakan dalam domain keagamaan, domain kekeluargaan dan domain persahabatan, manakala dalam domain persahabatan, penggunaannya terhad pada rakan yang dapat bertutur dalam bahasa Melayu sahaja.

Menerusi perbincangan ini, kajian lepas tertumpu pada vitaliti DMS di Satun dalam pelbagai perspektif, namun kajian yang menyelidik vitaliti DMS dalam kalangan pekerja produk pelancongan dalam domain keluarga tidak ditemukan. Kajian dalam aspek ini penting kerana bidang pelancongan banyak mempengaruhi pilihan dan penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat dan domain keluarga merupakan institusi yang paling

kukuh untuk mempertahankan bahasa. Oleh hal yang demikian, kajian ini meneliti pilihan bahasa dalam kalangan PPP bagi meninjau vitaliti DMS dalam kelompok ini. Di samping itu, kajian ini turut menyelidik tahap vitaliti dan kecenderungan pewarisan antara generasi melalui Kerangka Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO (2011) dalam kalangan responden di kawasan kajian.

METODOLOGI

Kajian ini dilakukan melalui pendekatan kuantitatif dengan pengaplikasian teknik soal selidik yang diedarkan kepada 124 orang PPP dalam lingkungan umur 16 tahun ke atas di daerah Muang Satun, wilayah Satun. Kod imbas yang mengandungi lima item soalan yang berkaitan dengan pilihan bahasa responden dengan latar dan interlocutor yang berbeza, iaitu subdomain daripada domain keluarga, dibina dalam bentuk Google Form. Item soal selidik terdiri daripada: (1) pilihan bahasa ketika di rumah; (2) pilihan bahasa ketika bertutur dengan ibu dan bapa; (3) pilihan bahasa ketika bertutur dengan saudara mara atau adik-beradik; (4) pilihan bahasa ketika bertutur dengan pasangan; dan (5) pilihan bahasa ketika bertutur dengan anak saudara atau cucu. Semua item soal selidik ini mewakili domain keluarga, namun kajian ini mengaitkan domain keluarga dengan aspek pelancongan dengan penetapan status responden sebagai PPP kerana WTO mengkategorikan pekerja pelancongan sebagai sebahagian daripada aspek pelancongan (Tourism and travel-related services).

Borang soal selidik melalui proses kesahan kandungan dan terjemahan oleh seorang Profesor Emeritus dan seorang Profesor Madya dalam bidang sosiolinguistik dari universiti awam di Malaysia. Kesahan terjemahan pula dilakukan oleh seorang pensyarah kanan dalam bidang semantik bahasa Melayu dari sebuah universiti di Thailand untuk melihat ketepatan makna terjemahan item soal selidik. Penambahbaikan dilakukan berdasarkan komen pakar. Kandungan item soal selidik yang ditambah baik dimasukkan dalam Google Form untuk dijadikan borang soal selidik. Setelah itu, kod imbas dihasilkan daripada borang soal selidik (bentuk Google Form) tersebut. Borang soal selidik dalam bentuk kod imbas ini seterusnya diedarkan kepada responden melalui aplikasi WhatsApp dan Line, serta dokumen bercetak. Cetakan kod imbas juga diedarkan melalui majikan di hotel, chalet dan resort, premis makanan dan tempat pelancongan untuk diimbas oleh pekerja. Terdapat lima hingga tujuh pilihan jawapan bagi setiap soalan. Responden dipilih berdasarkan kriteria tertentu, iaitu: (1) penutur DMS yang bekerja di

bidang pelancongan dalam daerah Muang Satun; (2) berumur 16 tahun ke atas; dan (3) lelaki dan perempuan.

Bagi responden yang menjawab soalan secara dalam talian, responden ini dikehendaki untuk menjawab semua soalan dalam setiap bahagian sehingga selesai dan mengetik butang “Hantar” untuk membolehkan maklumat diterima secara serta-merta oleh pengkaji. Bagi responden yang tidak mempunyai capaian internet atau tidak mahir menjawab soal selidik secara dalam talian, pengkaji turut mencetak dan mengedarkan borang soal selidik secara serahan tangan. Borang soal selidik yang dilengkapkan oleh responden dikembalikan kepada pengkaji secara serahan tangan. Pengkaji menyemak borang yang diserahkan terlebih dahulu untuk memastikan semua soalan dijawab oleh responden.

Di samping itu, temu bual secara tidak langsung juga dilakukan secara rawak terhadap lima orang responden yang menjawab soal selidik secara dalam talian dan lima orang responden yang menjawab soal selidik secara manual (bercetak). Kriteria pemilihan responden untuk menjawab soalan temu bual secara tidak langsung ialah: (1) penutur DMS yang bekerja dalam bidang pelancongan di daerah Muang Satun; (2) jantina lelaki dan perempuan; (3) berumur 16 tahun ke atas; dan (4) rela/sudi untuk ditemu bual. Pengkaji menunggu sehingga responden selesai menjawab soal selidik (sama ada secara dalam talian atau secara manual) dan meminta keizinan untuk ditemu bual. Temu bual dilakukan untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai faktor pilihan bahasa oleh responden.

Data soal selidik ini kemudiannya dianalisis secara tabulasi silang dalam perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27 untuk mendapatkan statistik deskriptif tentang pilihan bahasa oleh responden berdasarkan kumpulan umur dalam domain keluarga yang dipilih berdasarkan analisis domain oleh Joshua Fishman (1972). Domain keluarga dipilih kerana domain ini merupakan institusi yang paling penting bagi seseorang individu dan menjadi asas dan benteng paling kukuh dalam pemertahanan bahasa, serta menjadi penentu utama dalam pengekalan dan pelestarian sesuatu bahasa (Hotma Simanjuntak, 2017; Mohammed Azlan Mis, 2020; Saidatul Nornis et al., 2022). Menurut Fishman (1972), pewarisan bahasa merupakan faktor yang paling penting dalam peralihan bahasa kerana usaha pengekalan bahasa sepatutnya dilakukan oleh seseorang, sama ada dalam domain keluarga (rumah) atau komuniti setempat. Perkaitan antara domain keluarga dengan aspek pelancongan dilihat dari konteks pilihan bahasa responden ketika bertutur dengan ahli keluarga dan status responden sebagai PPP yang bekerja di hotel, restoran dan kaunter tiket.

Dapatan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif melalui jadual kekerapan peratusan pilihan bahasa berdasarkan kumpulan umur. Seterusnya, dapatan ini dilakukan triangulasi dengan Faktor 1 (Pewarisan antara Generasi) dalam Kerangka Tahap Keterancaman Bahasa (UNESCO, 2011) (LVE) bagi menentukan tahap vitaliti, iaitu pengekaln dan peralihan bahasa melalui pilihan bahasa responden di kawasan kajian. Terdapat enam tahap keterancaman yang dapat dinilai berdasarkan faktor pewarisan antara generasi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Kerangka Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO, 2011 (Faktor 1) Pewarisan antara Generasi.

Darjah Keterancaman	Tahap	Populasi Penutur
Selamat	5	Sesuatu bahasa itu dituturkan oleh semua generasi (kumpulan umur); Tiada gangguan dalam penurunan bahasa antara satu generasi kepada satu generasi.
Stabil, namun terancam	4	Kebanyakan kanak-kanak (kumpulan muda) boleh bertutur dalam sesuatu bahasa itu, tetapi mungkin terhad pada domain tertentu, misalnya domain rumah.
Pasti terancam	3	Kanak-kanak (kumpulan muda) sudah tidak lagi menggunakan bahasa ibundanya di rumah.
Sangat terancam	2	Sesuatu bahasa itu hanya dituturkan oleh datuk dan nenek moyang (kumpulan tua), manakala generasi ibu bapa (kumpulan dewasa) mungkin hanya memahaminya, dan tidak bercakap dengan anak (kumpulan muda) atau dalam kalangan kumpulan dewasa itu sendiri.
Terancam secara kritikal	1	Generasi penutur terdiri daripada datuk dan nenek dan generasi yang lebih tua (kumpulan tua), dan tidak menguasai bahasa ibundanya dan menggunakan sebahagiannya sahaja.
Pupus	0	Tiada lagi penutur yang tinggal.

Nota: Jadual ini diadaptasi daripada Sa'adiah Ma'alip (2019) berdasarkan Kerangka Tahap Keterancaman Bahasa UNESCO, 2011.

Dapatan yang diperoleh daripada soal selidik, iaitu peratusan pilihan bahasa oleh setiap kumpulan responden yang mewakili tiga generasi berbeza (muda, dewasa dan tua) dipadankan dengan darjah dan tahap keterancaman bahasa yang ditetapkan dalam kerangka tersebut. Peratusan pilihan bahasa yang diperoleh daripada setiap kumpulan umur bagi setiap subdomain yang mewakili populasi (interlokutor) diletakkan pada tahap darjah keterancaman yang sesuai berdasarkan peratusan pilihan bahasa. Tahap 5 (Selamat) menunjukkan peratusan yang tinggi dalam ketiga-tiga kumpulan umur, iaitu dituturkan oleh semua generasi dan tiada gangguan dalam penurunan bahasa antara satu generasi kepada satu generasi. Tahap 0 (Pupus) pula menunjukkan bahawa jika tiada lagi penutur (0 peratus) yang tinggal berdasarkan jadual Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO (2011). Walau bagaimanapun, populasi moyang digantikan dengan kumpulan tua, manakala populasi kanak-kanak digantikan dengan kumpulan muda berdasarkan cadangan AIATSIS (2005) dalam Kerangka Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO (2011:10).

Instrumen Soal selidik

Item soal selidik diadaptasi dan diubah suai daripada soal selidik pengkaji lepas, seperti Coluzzi (2010), Coluzzi et al. (2013, 2017, 2018), Hotma Simanjuntak (2017), Leo dan Abdullah (2013), Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Dicky Wiwittan Toto Ngadiman (2024), Mohammad Fadzeli Jaafar et al. (2015), Siebenhütter (2021) dan Tomioka (2019). Borang soal selidik yang berkaitan dengan domain keluarga terdiri daripada lima subdomain, iaitu pilihan bahasa ketika di rumah, ketika bertutur dengan ibu dan bapa, adik-beradik/saudara mara, pasangan, dan akhir sekali dengan anak saudara/cucu.

Kesahan kandungan dan bahasa bagi item dalam borang soal selidik dilakukan oleh pakar bidang yang dilantik. Dari segi kandungan, ketiga-tiga pakar bersetuju bahawa item soal selidik bersesuaian dan boleh digunakan untuk melaksanakan pengumpulan data di lapangan. Dari aspek terjemahan item soal selidik, pakar mengesahkan bahawa kandungan item soal selidik bersesuaian dan terjemahan yang dilakukan tepat dan menggunakan kata yang lazim digunakan.

Kebolehpercayaan item soal selidik pula dilakukan untuk mendapatkan nilai *Cronbach's Alpha* melalui perisian SPSS Versi 27 berdasarkan hasil kajian rintis yang dilakukan terhadap 30 orang responden di kawasan terpilih. Nilai pekali keseluruhan bagi item soal selidik ialah .939, iaitu nilai yang tinggi dan menunjukkan bahawa item soal selidik ini sesuai digunakan dalam kajian.

Pensampelan dan saiz sampel kajian

Kaedah pensampelan dan saiz sampel yang bersesuaian penting untuk mendapatkan hasil kajian yang representatif dan sah (Nurul Hidayana et al., 2024). Bagi kajian ini, kaedah pensampelan kluster atau kelompok secara rawak dilakukan dengan cara menetapkan ciri pemilihan sampel, iaitu (1) penutur DMS yang bekerja dalam bidang pelancongan di wilayah Satun; (2) jantina lelaki dan perempuan, dan (3) berumur 16 tahun ke atas.

Jumlah responden yang menjawab soal selidik ialah 124 orang berdasarkan saiz populasi PPP di wilayah Satun yang diambil daripada laporan tahunan wilayah Satun *The Labour Force Survey 2022–2023* (2024), serta cadangan Presiden Persatuan Pelancongan Wilayah Satun yang ditemui ketika tinjauan awal kajian. Dengan berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan, dan aplikasi Calculator.net, jumlah responden sebanyak 124 sampel dianggap memadai berdasarkan pandangan Roscoe (1975) yang menyatakan bahawa julat antara 30 responden hingga 500 responden bersesuaian dan memadai untuk melakukan sesebuah kajian.

Pembahagian kumpulan umur dalam kajian ini dilakukan berdasarkan kaedah pensampelan kluster atau kelompok untuk mendapatkan sampel yang mewakili populasi yang telah dibahagikan (Makwana et al., 2023). Pembahagian jumlah responden ditetapkan dengan mengambil kira beberapa faktor, iaitu; (1) jumlah sampel kumpulan umur dewasa paling ramai kerana merupakan kumpulan pekerja paling ramai dalam bidang ini; (2) jumlah sampel kumpulan umur muda lebih sedikit berbanding kumpulan dewasa kerana masih dalam lingkungan umur belajar, sama ada pada peringkat kolej atau universiti; (3) hanya segelintir penutur (sampel) dalam kumpulan umur tua, iaitu 50 tahun ke atas yang bekerja dalam bidang ini kerana kebanyakan majikan mengambil pekerja yang berumur kurang daripada 50 tahun, malah tidak banyak pekerja yang berumur melebihi 50 tahun yang masih bekerja dalam bidang ini atas faktor kesesuaian bidang tugas yang memerlukan banyak pergerakan fizikal.

Sementara itu, kumpulan umur dan jantina responden pula dibahagikan kepada tiga kumpulan umur dengan jumlah dibundarkan kepada 36 peratus kumpulan muda, 54 peratus kumpulan dewasa dan 10 peratus lagi bagi kumpulan tua (50 tahun ke atas). Penentuan umur responden dilakukan berdasarkan kajian lepas yang dilakukan oleh sarjana terdahulu, namun diubah suai mengikut objektif kajian ini. Penentuan umur bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua dilakukan berdasarkan kajian lepas yang dilaksanakan di wilayah tersebut, seperti kajian yang dilakukan oleh Hayati Lateh et al. (2020, 2023), dan Norizah Ardi dan Nor Hisham

Osman (2010) yang menetapkan umur antara 25 tahun hingga 50 tahun sebagai golongan dewasa, dan 50 tahun ke atas sebagai kumpulan tua (Nor Hashimah Jalaluddin et al., 2019). Hayati Lateh et al. (2016) dan Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2019) pula mengkategorikan kumpulan umur antara 15 tahun hingga 25 tahun sebagai golongan muda, walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji menetapkan umur 16 tahun sebagai umur minimum bagi responden kumpulan umur muda berdasarkan saranan Presiden Persatuan Pelancongan wilayah Satun yang ditemui ketika tinjauan awal kerana tidak banyak pekerja yang berumur 15 tahun yang bekerja dalam bidang ini kerana kebanyakannya masih belajar.

Lokasi Kajian

Pengumpulan data dilakukan di kawasan pelancongan yang terdapat di daerah Muang Satun, wilayah Satun, Thailand. Lokasi ini dipilih kerana mempunyai banyak tempat pelancongan dan masih terdapat banyak penutur DMS berdasarkan maklumat lisan daripada kakitangan di pejabat Pelancongan dan Sukan Thailand wilayah Satun yang dikunjungi ketika tinjauan awal kajian. Tempat kajian melibatkan tempat penginapan, premis makanan dan tempat pelancongan lain yang sering dikunjungi oleh pelancong seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Tempat pelancongan yang terlibat dalam pengumpulan data.

Bil. Tempat Pelancongan yang Terlibat dalam Pengumpulan Data	
1.	Hotel dan resort (Navakiri Hotel, Meesuk Hotel, Royyan Resort, Notting Hill Resort, Tanjong Buri Resort dan lain-lain)
2.	Premis makanan (Prikthai, Bangsan Restaurant, De Bua Café, The Coconut Café, Muang Satun Foodcourt, Khnumcin Chalung, Chalung Streetfood, Paktam Seafood, Ao Mai Seafood, Khrua Tangke dan lain-lain)
3.	Tempat membeli-belah (Nat Pekan Cina/Chalung, Seven Eleven, Macro, Big C, Global House dan lain-lain)
4.	Premis pelancongan lain (Muzium Satun, Tammalang Pier & Eagle Feeding, Tammalang Mangrove, Dragon's Back Beach, Hat Sai Yao, Tanyong Po)

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkankan pilihan bahasa oleh PPP dalam domain keluarga yang diperincikan mengikut subdomain (SDK) berdasarkan kumpulan umur. Subdomain yang ditetapkan ialah pilihan bahasa yang digunakan di rumah (latar), subdomain pilihan bahasa yang digunakan

ketika bertutur dengan ibu dan bapa, adik-beradik, pasangan, dan akhir sekali anak saudara atau cucu (interlokutor) bagi ketiga-tiga kumpulan umur. Subdomain anak tidak dibincangkan kerana tidak mewakili semua kumpulan umur responden, terutamanya kumpulan muda yang belum mempunyai anak. Secara keseluruhannya, jumlah responden mengikut jantina yang memberikan maklum balas ialah 33% lelaki dan 67% perempuan. Pembahagian jantina mengikut peringkat umur pula ialah 33% lelaki dan 67% perempuan bagi kumpulan muda (16–24 tahun), 30% lelaki dan 70% perempuan bagi kumpulan dewasa (25–49 tahun) dan 50% lelaki dan 50% perempuan bagi kumpulan tua (50 tahun ke atas). Ketiga-tiga kumpulan umur menunjukkan bahawa jumlah maklum balas responden perempuan (50% hingga 70%) melebihi maklum balas responden lelaki (30% hingga 50%) bersesuaian dengan laporan daripada Laporan Status Tenaga Buruh Wilayah Satu Suku Pertama Tahun 2023 (2023) yang melaporkan bahawa secara keseluruhannya, peratusan populasi pekerja perempuan dalam bidang ini melebihi jumlah pekerja lelaki sebanyak 68%. Pilihan bahasa pula ditentukan melalui kajian terdahulu oleh Hayati Lateh et al. (2016), serta maklumat yang diperolehi ketika tinjauan awal dan kajian rintis.

Pilihan Bahasa Pekerja Produk Pelancongan Ketika Berada di Rumah (Latar)

Subdomain pilihan bahasa ketika berada di rumah bermaksud bahasa yang dipilih atau digunakan oleh PPP ketika bertutur dengan ahli keluarga atau interlokutor lain ketika berada di rumah. Dalam kajian ini, jumlah dan peratusan kekerapan pilihan bahasa oleh PPP dalam subdomain ini ditunjukkan dalam Jadual 3.

Dengan berdasarkan Jadual 3, peratusan kekerapan pilihan bahasa yang paling tinggi bagi ketiga-tiga kumpulan umur ialah DTS, diikuti oleh DMS. Dari segi peratusan kekerapan pilihan bahasa mengikut kumpulan umur, majoriti responden kumpulan muda memilih untuk bertutur dalam DTS, iaitu sebanyak 42%, diikuti oleh DMS (23%) sebagai pilihan kedua tertinggi. Responden kumpulan dewasa dan kumpulan tua pula lebih memilih DMS (41.1% dan 50%), diikuti oleh DTS (34.2% dan 35.7%). Dialek atau bahasa lain yang turut dipilih oleh responden ialah BTS, DMP dan BC dengan peratusan 12.5%, 10% dan 12.5% masing-masing bagi kumpulan muda dan 12.5%, 2.8% dan 12.3% bagi kumpulan dewasa. Terdapat 14.3% responden penutur kumpulan tua yang memilih BC, namun tiada responden daripada kumpulan umur ini yang memilih BTS dan DMP.

Jadual 3 Peratusan pilihan bahasa oleh pekerja produk pelancongan ketika berada di rumah.

Kump. Umur (Tahun)	DTS	BTS	DMS	DMP	BC	Jumlah (%)
16–24	42	12.5	23	10	12.5	100
25–49	34.2	9.6	41.1	2.8	12.3	100
50 ke atas	35.7	0	50	0	14.3	100
Jumlah	37	9.62	35.6	5.19	12.59	100

Nota: Jadual diadaptasi berdasarkan Kamarudin (2018), Hayati et al. (2016) dan Mohd. Fadzeli et al. (2015).

Panduan:

DTS= Dialek Thai Selatan BTS= Bahasa Thai Standard DMS= Dialek Melayu Satun DMP=Dialek Melayu Patani BC=Bercampur

Pilihan Bahasa Pekerja Produk Pelancongan Ketika Bertutur dengan Ibu dan Bapa

Subdomain pilihan bahasa ketika bertutur dengan ibu dan bapa bermaksud bahasa yang dipilih atau digunakan oleh PPP ketika bertutur dengan ibu dan bapa. Perisian jumlah dan peratusan pilihan bahasa dalam subdomain ini dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Pilihan bahasa oleh pekerja produk pelancongan ketika bertutur dengan ibu dan bapa.

Kump. Umur (Tahun)	DTS	BTS	DMS	DMP	BC	TB	Jumlah (%)
16–24	43.75	18.75	22.92	2.08	10.42	2.08	100
25–49	35.62	6.85	41.1	4.10	12.33	0	100
50 ke atas	35.71	0	50	0	14.29	0	100
Jumlah	38.52	10.37	35.56	2.96	11.85	0.74	100

Panduan: TB=Tidak berkenaan

Dengan berdasarkan Jadual 4, DTS menjadi bahasa yang mempunyai peratusan yang paling tinggi bagi ketiga-tiga kumpulan umur secara keseluruhannya. Dapatan peratusan pilihan bahasa masih menunjukkan pola yang hampir sama dengan peratusan pilihan bahasa oleh PPP dalam

subdomain yang dibincangkan sebelumnya, iaitu DTS masih menjadi pilihan utama kumpulan muda (43.75%), diikuti oleh DMS (22.92%), begitu juga bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua. Kedua-dua kumpulan ini memilih untuk bertutur dalam DMS (41.1% dan 50%) berbanding dengan DTS (35.62% dan 35.71%) dan bahasa lain ketika bertutur dengan ibu dan bapa. BTS turut dipilih oleh kumpulan muda dan dewasa, iaitu masing-masing 18.75% dan 6.85%, begitu juga DMP dengan jumlah 2.08 % bagi kumpulan muda dan 4.10% bagi kumpulan dewasa. Namun begitu, kedua-dua bahasa atau dialek ini tidak dipilih oleh responden kumpulan tua. Bagi BC pula, ketiga-tiga kumpulan umur memilih bahasa ini dengan peratusan 10.42% (kumpulan muda), 12.33% (kumpulan dewasa) dan 14.29% (kumpulan tua). Sementara itu, 2.08% responden daripada kumpulan muda turut memilih TB yang menunjukkan bahawa responden tiada ibu dan bapa.

Pilihan Bahasa Pekerja Produk Pelancongan Ketika Bertutur dengan Adik-beradik/Saudara-mara

Subdomain ini mengkategorikan adik-beradik dan saudara mara dalam kelompok yang sama kerana dalam bahasa Thai, kedua-duanya dirujuk dengan kata yang sama, iaitu พี่น้อง /phinong/. Jumlah dan peratusan pilihan bahasa oleh PPP dalam subdomain ini dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Pilihan bahasa oleh pekerja produk pelancongan ketika bertutur dengan adik-beradik/saudara-mara.

Kump. Umur (Tahun)	DTS	BTS	DMS	DMP	BC	Jumlah (%)
16–24	39.58	16.67	22.92	2.08	18.75	100
25–49	34.24	6.84	42.46	1.36	15.1	100
50 ke atas	28.57	0	57.14	0	14.29	100

Dengan berdasarkan Jadual 5, pilihan bahasa yang menjadi pilihan utama bagi ketiga-tiga kumpulan umur secara keseluruhannya ialah DMS. Peratusan pilihan bahasa berdasarkan kumpulan umur pula menunjukkan bahawa responden kumpulan muda masih mengekalkan corak pilihan bahasa yang sama, iaitu memilih DTS (39.58%), diikuti oleh DMS (22.92%). Bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua pula, DMS masih menjadi pilihan utama, namun jumlahnya tidak mencecah 60% (42.46% dan 57.14%), dan DTS menjadi pilihan kedua (34.24% dan 28.57%). Bahasa lain yang turut dipilih oleh kumpulan muda dan kumpulan dewasa ialah BTS, iaitu 16.67% (kumpulan muda) dan 6.84% (kumpulan dewasa). Dalam dapatan

ini, tiada responden kumpulan tua yang memilih bahasa ini. Bagi DMP pula, sebanyak 2.08% responden kumpulan muda dan 1.36% responden kumpulan dewasa yang memilih dialek ini. Sama seperti dapatan sebelumnya, tiada responden daripada kumpulan tua yang memilih DMP. Namun begitu, bagi BC, terdapat sebanyak 18.75% responden kumpulan muda, 15.1% responden kumpulan dewasa dan 14.29% responden kumpulan tua memilih untuk menggunakan bahasa secara bercampur-campur.

Pilihan Bahasa Pekerja Produk Pelancongan Ketika Bertutur dengan Pasangan

Pasangan dalam subdomain ini merujuk suami, isteri atau kekasih. Subdomain ini bertujuan untuk meneliti aspek vitaliti atau pengaruh bahasa asal interlocutor tersebut. Kekasih turut dikategorikan sebagai sebahagian daripada domain keluarga berdasarkan Coluzzi (2010), Coluzzi et al. (2013, 2017, 2018) dan Leo dan Abdullah (2013) yang meletakkan subdomain suami, isteri atau kekasih dalam domain keluarga berlandaskan faktor keakraban hubungan dan keterikatan secara emosi dalam konteks domain dalam pilihan bahasa. Peratusan pilihan bahasa oleh PPP dapat diteliti melalui Jadual 6.

Jadual 6 Pilihan bahasa oleh pekerja produk pelancongan ketika bertutur dengan pasangan.

Kump. Umur (Tahun)	DTS	BTS	DMS	DMP	BI	BC	TB	Jumlah (%)
16–24	31.25	14.58	18.75	4.17	2.08	10.42	18.75	100
25–49	36.99	4.11	35.61	2.74	0	13.7	6.85	100
50 ke atas	28.57	0	42.85	0	0	14.29	14.29	100

Dengan berdasarkan Jadual 6, Pilihan jawapan TB (Tidak berkenaan/ Tiada) juga diberikan dalam konteks kajian ini jika terdapat responden kumpulan muda yang belum berkahwin atau mempunyai pasangan. Peratusan pilihan bahasa PPP ketika bertutur dengan pasangan mula menunjukkan perubahan corak pilihan bahasa. Bagi kumpulan muda, majoriti responden masih memilih DTS (31.25%) sebagai bahasa utama, diikuti oleh DMS (18.75%). Bagi kumpulan dewasa pula, corak pilihan bahasa mula berubah apabila lebih banyak responden yang memilih DTS (36.99%) berbanding dengan DMS (35.61%). Sementara itu, kumpulan tua masih mengekalkan corak yang sama dalam peratusan pemilihan bahasa, iaitu DMS sebagai bahasa pilihan utama dengan 42.85%, diikuti

oleh DTS (28.57%) ketika bertutur dengan pasangan. Dalam subdomain ini, terdapat 2.08% yang memilih BI bagi kumpulan muda. Selain itu, BTS juga dipilih oleh responden kumpulan muda (14.58%) dan kumpulan dewasa (4.11%). Namun begitu, tiada responden kumpulan tua memilih BTS. Bahasa lain yang turut dipilih oleh responden kumpulan muda dan kumpulan dewasa ialah DMP dengan peratusan 4.17% dan 2.74%, masing-masing. Semua kumpulan umur juga memilih BC dengan peratusan sebanyak 10.42% (kumpulan muda), 13.7% (kumpulan dewasa) dan 14.29% (kumpulan tua). Selain itu, terdapat responden daripada ketiga-tiga kumpulan umur yang memilih TB yang menunjukkan bahawa responden ini berkemungkinan tiada atau belum ada pasangan.

Pilihan Bahasa Pekerja Produk Pelancongan Ketika Bertutur dengan Anak Saudara/Cucu

Dalam subdomain ini, anak saudara dan cucu dikelaskan dalam kategori yang sama kerana bahasa Thai menggunakan kata yang sama untuk merujuk anak saudara dan cucu, iaitu หลาน /Ĥlān/. Dalam konteks kajian ini, kedua-duanya dapat dikelompokkan dalam kategori yang sama kerana subdomain ini dipilih untuk mendapatkan peratusan pilihan bahasa responden dengan interlocutor dalam generasi atau kumpulan umur yang lebih muda secara umum. Bagi responden kumpulan muda, pilihan bahasa yang dipilih merujuk bahasa yang digunakan ketika bertutur dengan anak saudara. Jawapan “Tiada/Tidak berkenaan” pula dipilih jika tidak mempunyai anak saudara. Bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua pula, pilihan bahasa dalam subdomain ini merujuk bahasa yang digunakan oleh responden, sama ada ketika bertutur dengan anak saudara atau cucu. Jawapan “Tiada/Tidak berkenaan” dipilih jika tiada kedua-duanya. Perincian pilihan bahasa dalam subdomain ini dipaparkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 Pilihan bahasa oleh pekerja produk pelancongan ketika bertutur dengan anak saudara/cucu.

Kump. Umur (Tahun)	DTS	BTS	DMS	DMP	BI	BC	TB	Jumlah (%)
16–24	29.17	8.33	27.08	4.17	0	12.5	18.75	100
25–49	26	5.48	48	1.36	4.10	9.58	5.48	100
50 ke atas	21.43	0	50	7.14	0	0	21.43	100

Dengan berdasarkan Jadual 7, majoriti responden memilih DMS apabila kumpulan dewasa dan kumpulan tua mencatatkan peratusan

sederhana, iaitu 48% dan 50%, tetapi agak rendah bagi kumpulan muda (27.08%). DTS merupakan pilihan bahasa yang kedua tinggi selepas DMS dengan catatan antara 21% hingga 29% bagi ketiga-tiga kumpulan umur.

Jika peratusan diteliti berdasarkan kumpulan umur pula, peratusan pilihan bahasa yang paling tinggi bagi kumpulan muda ialah DTS (29.17), diikuti oleh DMS (27.08%). Pilihan bahasa yang paling rendah peratusan oleh kumpulan muda ialah DMP, iaitu sebanyak 4.17%. Tiada responden kumpulan ini yang memilih BI dalam pertuturan bersama-sama ahli keluarga di rumah.

Bagi responden kumpulan umur dewasa, bahasa pilihan utama ialah DMS, iaitu sebanyak 48%, diikuti oleh DTS, iaitu sebanyak 26%. Terdapat juga 9.58% responden kumpulan ini yang memilih BC. Peratusan terendah pilihan bahasa bagi kumpulan dewasa ialah DMP, iaitu sebanyak 1.36% sahaja.

Sementara itu, terdapat sebanyak 50% responden daripada kumpulan tua yang memilih DMS sebagai bahasa pilihan, diikuti oleh 21.43% peratus yang memilih DTS. Peratusan yang sama dicatatkan untuk TB yang menunjukkan bahawa responden ini tidak mempunyai anak saudara atau cucu. Responden kumpulan tua juga didapati tidak menggunakan BTS, BI dan BC ketika bertutur dengan anak saudara atau cucu dengan catatan 0% bagi ketiga-tiga bahasa.

Secara keseluruhannya, berdasarkan dapatan yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa majoriti responden kumpulan muda lebih cenderung untuk memilih DTS dalam semua subdomain yang diselidiki kerana menganggap dialek ini sebagai bahasa ibunda. Bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua pula, responden ini lebih cenderung untuk memilih DMS berbanding dengan DTS atau bahasa lain. Menerusi temu bual secara tidak langsung yang dilakukan secara rawak terhadap 10 orang responden, tujuh daripadanya (lima responden kumpulan dewasa dan dua responden kumpulan tua) menyatakan bahawa pemilihan DMS disebabkan oleh dialek ini dianggap sebagai bahasa ibunda atau bahasa nenek moyang, manakala bagi responden kumpulan muda pula, seorang responden memilih DMS, manakala dua responden lagi memilih DTS kerana kedua-dua dialek ini dianggap sebagai bahasa ibunda yang digunakan sejak lahir. Hal ini selari dengan pandangan Mohammed Azlan Mis (2020) yang menyatakan bahawa pilihan bahasa di rumah dan sesama ahli keluarga selalunya melibatkan bahasa ibunda kerana dapat merapatkan hubungan dan menimbulkan rasa kemesraan antara ahli keluarga.

Walau bagaimanapun, perubahan corak pilihan bahasa dapat diteliti dalam subdomain pilihan bahasa ketika bertutur dengan pasangan apabila

majoriti pilihan bahasa ketiga-tiga kumpulan berubah daripada DMS kepada DTS apabila bertutur dengan pasangan. Menerusi temu bual pula, lapan daripada 10 responden menyatakan bahawa hal ini berlaku disebabkan oleh perkahwinan dengan penduduk dari kawasan lain dan lebih selesa menggunakan BTS atau DTS kerana memudahkan komunikasi dengan pasangan. Dapatan ini juga menyokong kajian yang dilakukan oleh Mohammed Azlan Mis (2020) yang turut menyatakan bahawa faktor perkahwinan, terutamanya perkahwinan campur, merupakan antara faktor yang mempengaruhi pilihan bahasa penutur sesuatu bahasa. Faktor perkahwinan campur turut mempengaruhi pilihan bahasa responden kerana kemampuan responden untuk menguasai dua atau lebih bahasa yang selari dengan dapatan kajian Norizah Ardi dan Nor Hisham Osman (2010) yang menyatakan bahawa perkahwinan antara masyarakat Melayu penutur DMS dengan masyarakat tempatan yang bertutur dalam DTS melahirkan masyarakat Sam-sam yang mampu menguasai kedua-dua bahasa. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden kumpulan dewasa dan kumpulan tua masih memilih DMS walaupun DTS sudah mula menunjukkan dominasi pilihan bahasa dalam kalangan penutur muda.

Analisis Vitaliti Bahasa Berdasarkan Faktor Pewarisan antara Generasi (Faktor 1) dalam Kerangka Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO (2011)

Pilihan bahasa merupakan cerminan vitaliti sesuatu bahasa. Faktor yang paling biasa digunakan dalam penilaian vitaliti sesuatu bahasa ialah pewarisan bahasa kepada generasi seterusnya (Fishman, 1991), dan keterancaman bahasa dapat dikelaskan kepada kontinum daripada tahap stabil hingga tahap pupus.

Pilihan bahasa PPP dalam domain keluarga menunjukkan bahawa DMS masih digunakan oleh responden ketika berinteraksi dengan semua peringkat interlocutor, namun peratusan penggunaan dalam kumpulan muda didapati agak rendah kerana tidak mencapai 30%. Bagi kumpulan muda, subdomain yang paling tinggi peratusan penggunaan DMS adalah ketika bertutur dengan anak saudara/cucu, iaitu sebanyak 27.08%. Subdomain yang mempunyai peratusan penutur DMS paling rendah pula ialah subdomain bahasa yang dipilih ketika bertutur dengan pasangan, iaitu hanya 18.75%. Situasi ini menggambarkan peratusan pengekalan dan pewarisan bahasa yang rendah dalam kumpulan ini.

Bagi kumpulan dewasa pula, pengekelan dan pewarisan bahasa berada pada tahap sederhana berdasarkan peratusan sederhana dalam subdomain yang diselidik, iaitu antara 35% hingga 48%. Responden kumpulan ini memilih DMS ketika bertutur dengan anak saudara/cucu pada tahap sederhana, iaitu 48%. Majoriti responden kumpulan ini memilih DMS ketika bertutur dengan anak saudara/cucu, iaitu sebanyak 48%, manakala subdomain yang paling sedikit memilih DMS pula adalah ketika bertutur dengan pasangan, iaitu hanya 35.61%. Kumpulan ini menunjukkan tahap pengekelan dan pewarisan yang agak sederhana dan tidak konsisten.

Seterusnya, kumpulan tua memilih DMS sebagai bahasa utama dengan peratusan yang agak sederhana, iaitu antara 42% hingga 57% dalam subdomain yang diteliti. Pilihan bahasa ketika bertutur dengan pasangan mencatatkan peratusan terendah (42.85%), manakala pilihan bahasa ketika bertutur dengan adik-beradik/saudara mara merupakan peratusan pilihan bahasa tertinggi bagi DMS dalam kumpulan tua dengan catatan 57.14%. Dapatan ini memperlihatkan bahawa masih berlaku pengekelan dan pewarisan dalam kalangan responden kumpulan ini pada tahap sederhana.

Oleh hal yang demikian, bagi tahap vitaliti bahasa berdasarkan faktor 1, iaitu pewarisan antara generasi dalam domain keluarga, tahap vitaliti DMS dalam kalangan PPP berada pada tahap “stabil, namun terancam”, iaitu Tahap 4. Hal ini dikatakan demikian kerana empat daripada lima subdomain keluarga berada pada Tahap 4, iaitu pilihan bahasa ketika berada di rumah, pilihan bahasa ketika bertutur dengan ibu dan bapa, pilihan bahasa ketika bertutur dengan adik-beradik dan pilihan bahasa ketika bertutur dengan anak saudara/cucu, yang mencatatkan 41% hingga 57% bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua, tetapi hanya mendapat peratusan yang rendah dalam kumpulan muda, iaitu hanya antara 22% hingga 27%. Bagi pilihan bahasa ketika bertutur dengan pasangan, ketiga-tiga kumpulan umur mencatatkan peratusan yang lebih rendah berbanding dengan subdomain yang lain. Kumpulan dewasa dan kumpulan tua hanya mencatatkan antara 35% hingga 42%, sementara kumpulan muda hanya mencatatkan 18.75%. Hal ini menggambarkan kemerosotan yang ketara dalam kumpulan muda dan jelas memperlihatkan bahawa DMS sudah mula terancam walaupun peratusan dalam kumpulan dewasa dan kumpulan tua berada pada tahap sederhana. Lebih meruncing lagi, pilihan bahasa ketika bertutur dengan pasangan berada pada Tahap 3 (terancam) hingga Tahap 4 (stabil, namun terancam) kerana mencatatkan peratusan yang lebih rendah berbanding dengan peratusan pilihan bahasa dalam subdomain lain bagi ketiga-tiga kumpulan yang dikaji. Dapatan kajian ini menunjukkan trend pewarisan antara generasi yang tidak mantap

dan menampakkan situasi peralihan, namun pewarisan bahasa tetap berlaku. Oleh itu, tahap vitaliti DMS oleh PPP dalam domain keluarga di daerah Muang Satun dicadangkan pada Tahap 4, iaitu “stabil, namun terancam” seperti yang diperincikan dalam Jadual 8.

Jadual 8 Cadangan tahap vitaliti dialek Melayu Satun pekerja produk pelancongan dalam domain keluarga di daerah Muang Satun, Thailand berdasarkan Faktor 1 (Pewarisan antara generasi) Kerangka Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO (2011).

Subdomain (SDK)	16–24 Tahun (%)	25–49 Tahun (%)	50 Tahun ke Atas (%)	Penilaian Umum	Cadangan Tahap Vitaliti	Ulasan Ringkas	Catatan
Di rumah	23.0	41.1	50.0	Tahap penggunaan rendah dalam generasi muda, sederhana dalam kumpulan dewasa dan kumpulan tua	Tahap 4: Stabil, namun terancam	Kurang dituturkan oleh kumpulan umur muda ketika berada di rumah	Peratusan penggunaan bahasa generasi nenek moyang ditentukan berdasarkan pilihan bahasa kumpulan tua dengan ibu bapa. (50%: sederhana)
Ibu dan bapa	22.9	41.1	50.0	Pewarisan daripada ibu bapa rendah dalam kumpulan muda, sederhana dalam kumpulan dewasa dan kumpulan tua	Tahap 4: Stabil, namun terancam	Kurang digunakan oleh kumpulan muda ketika bertutur dengan ibu bapa	

Sambungan Jadual 8 Cadangan tahap vitaliti dialek Melayu Satun pekerja produk pelancongan dalam domain keluarga di daerah Muang Satun, Thailand berdasarkan Faktor 1 (Pewarisan antara generasi) Kerangka Darjah Keterancaman Bahasa UNESCO (2011).

Subdomain (SDK)	16–24 Tahun (%)	25–49 Tahun (%)	50 Tahun ke Atas (%)	Penilaian Umum	Cadangan Tahap Vitaliti	Ulasan Ringkas	Catatan
Adik beradik/ saudara mara	22.9	42.5	57.1	Kurang digunakan antara adik-beradik/ saudara mara kumpulan muda, sederhana dalam kumpulan dewasa dan kumpulan tua	Tahap 4: Stabil, namun terancam	Kurang digunakan oleh kumpulan muda ketika bertutur dengan adik-beradik/ saudara mara	
Pasangan	18.8	35.6	42.9	Sangat rendah dalam kalangan kumpulan muda, peratusan kumpulan dewasa dan kumpulan warga tua juga berkurangan	Tahap 3-4 Terancam (kumpulan muda): Stabil, namun terancam (kumpulan dewasa dan kumpulan tua)	Sangat rendah dalam kalangan kumpulan muda, peratusan sederhana rendah dalam kumpulan dewasa dan kumpulan tua	Peratusan penggunaan bahasa generasi kanak-kanak ditentukan berdasarkan pilihan bahasa kumpulan muda dengan anak saudara (27%: rendah)
Anak saudara/ cucu	27.1	48.0	50.0	Kurang diwariskan antara kumpulan muda dengan generasi lebih muda, sederhana dalam kumpulan dewasa dan kumpulan tua	Tahap 4: Stabil, namun terancam	Diwariskan secara tidak konsisten dalam ketiga-tiga kumpulan umur	

PERBINCANGAN

Penutur sesuatu bahasa memilih satu bahasa dalam perhubungan. Pilihan bahasa ini dipengaruhi oleh aspek sosial, fungsi bahasa dan topik perbincangan yang terlibat. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya pilihan bahasa termasuklah faktor latar, peserta, umur, pekerjaan, dan beberapa faktor lain (Grosjean, 1982; Holmes, 2013). Bagi Fishman (1972), setiap orang, terutamanya penutur dwibahasa dan multibahasa, memilih satu bahasa tertentu yang sesuai dengan konsep *who speaks what language to whom and when* bergantung pada latar, interlokutor dan topik yang berbeza-beza, dan bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang paling utama digunakan oleh majoriti ahli dalam sesebuah masyarakat. Semua aspek yang dibincangkan oleh tokoh tersebut dapat diperhatikan dalam dapatan kajian ini. Dalam latar di rumah, penutur kumpulan tua dan penutur kumpulan dewasa masih memilih untuk menggunakan DMS apabila bertutur dengan kebanyakan interlokutor kerana DMS merupakan bahasa yang bukan sahaja digunakan sejak lahir, malah dituturkan sejak zaman nenek moyang lagi. Namun begitu, responden kedua-dua kumpulan ini memilih DTS untuk bertutur dengan pasangan yang bukan penutur DMS. Secara keseluruhannya, terdapat enam dialek atau bahasa yang dipilih oleh PPP di daerah Muang Satun dalam domain keluarga, iaitu DTS, BTS, DMS, DMP, BI dan BC. Dapat diperhatikan bahawa PPP di daerah Muang Satun memilih bahasa berdasarkan situasi diri, latar dan interlokutor yang terlibat dalam komunikasi. Dengan berdasarkan data soal selidik, peratusan responden yang memilih DMS dalam subdomain ini agak rendah. Hal ini selari dengan dapatan data temu bual apabila responden memaklumkan bahawa ketika bertutur dengan pasangan yang bukan penutur DMS, responden ini memilih untuk menggunakan DTS bagi memudahkan komunikasi. Dalam hal ini, terdapat dua dialek utama yang menjadi pilihan utama responden dalam ketiga-tiga kumpulan umur, iaitu DTS bagi kumpulan muda, dan DMS bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua dalam semua subdomain yang dikaji kerana kedua-dua dialek ini dianggap sebagai bahasa ibunda oleh responden. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan peratusan yang sederhana daripada data soal selidik dan diperkukuh dengan hasil temu bual secara tidak langsung yang mendapati bahawa lapan daripada 10 responden memilih untuk mengekalkan atau mewarisi DMS kerana dialek ini merupakan bahasa ibunda responden. Hal ini berlaku kerana responden berhasrat untuk mengekalkan identiti dan tanda penghargaan terhadap keunikan warisan budaya dan nilai bahasa itu sendiri seperti dapatan Ni Made Dhanawaty et al. (2020) dan Siebenhütter (2021). Dalam konteks pilihan bahasa

dalam kalangan PPP di daerah Muang Satun, situasi pilihan bahasa juga memperlihatkan pengaruh faktor mobiliti sosial. Faktor ini sering berlaku atas dasar untuk mendapatkan peluang pekerjaan, keselamatan dan faktor ekonomi (Noraisikin Ghazali et al., 2020). Dalam konteks ini, DMP digunakan oleh penduduk “Tiga Wilayah”, iaitu penduduk yang berasal daripada Patani, Narathiwat dan Yala, yang berpindah ke kawasan kajian atas faktor keselamatan kerana Satun merupakan “kawasan hijau”, dan faktor ekonomi, khususnya dalam bidang pelancongan kerana kelebihan penduduk ini yang mampu berbahasa Melayu. Di samping itu, responden turut memilih BTS, BI dan BC disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuklah faktor asimilasi, pendidikan, politik dan faktor lain, seperti faktor perkahwinan, penghijrahan atau susur galur kekeluargaan.

Bagi PPP yang merupakan penutur bahasa minoriti (DMS) di kawasan kajian, sektor pelancongan dijangka mempengaruhi pilihan bahasa golongan ini kerana berdasarkan kajian Lilis Siti Sulistyaningsih et al. (2017), bidang pelancongan memerlukan penutur untuk memilih dan menggunakan pelbagai bahasa. Oleh itu, bidang ini mampu mempengaruhi vitaliti bahasa di sesuatu kawasan. Nomniam et al. (2020) pula mendapati bahawa bahasa dan pelancongan merupakan dua bidang yang saling berkait rapat, apatah lagi pelancongan rentas sempadan melibatkan pertembungan pelbagai bahasa. Walau bagaimanapun, kajian semasa mendapati bahawa aspek pelancongan (pekerjaan responden) tidak mempengaruhi pilihan bahasa responden dengan ketara dalam domain keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana PPP masih mengekalkan bahasa ibunda bagi kumpulan dewasa dan kumpulan tua. Bagi kumpulan muda pula, PPP lebih memilih DTS yang merupakan dialek tempatan, bukan BTS yang sering digunakan di tempat kerja. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa PPP lebih memilih bahasa berdasarkan situasi dan interlocutor, dan bidang pelancongan (penggunaan bahasa PPP di tempat kerja) tidak mempengaruhi secara ketara pilihan bahasa PPP dalam domain keluarga. Sementara itu, aspek pengekalan pula menunjukkan tahap pewarisan yang sudah tidak mantap dalam ketiga-tiga kumpulan umur.

KESIMPULAN

Walaupun situasi bahasa di daerah Muang Satun memperlihatkan pemilihan bahasa yang pelbagai, DMS masih menjadi pilihan utama PPP kumpulan dewasa dan kumpulan tua pada tahap yang sederhana, manakala DTS didapati mendominasi pilihan bahasa bagi kumpulan muda dalam domain keluarga ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa DMS masih

digunakan oleh semua peringkat umur dan latar yang diselidiki, namun vitaliti DMS menunjukkan peralihan apabila peratusan pilihan bahasa responden, terutamanya kumpulan muda, menunjukkan peratusan yang rendah dalam semua subdomain yang dikaji. Faktor yang mempengaruhi vitaliti bahasa perlu diberikan perhatian dan diteliti secara lanjut demi kelestarian DMS, serta kesinambungan warisan budaya dan identiti masyarakat Melayu Islam di Satun. Oleh itu, penutur DMS, khususnya PPP di daerah Maung Satun, perlu memulakan inisiatif untuk memulihara dan memelihara DMS agar terus bertahan. Situasi pilihan bahasa di daerah Muang Satun dalam kelompok PPP dalam domain keluarga pada masa ini mula menunjukkan perubahan ke arah peralihan bahasa, terutamanya dalam kalangan penutur muda. Biarpun peralihan tidak berlaku secara signifikan, keadaan ini tidak dapat menjamin vitaliti dialek tersebut kerana berdasarkan UNESCO (2003, 2011) penutur boleh berhenti mewariskan bahasa pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, disarankan supaya lebih banyak kajian yang berkaitan dengan DMS dilakukan dalam kelompok khusus yang lain, seperti kelompok peniaga di kawasan sempadan, kelompok pemandu pelancong Malaysia-Thailand, atau kelompok lain yang berkaitan. Selain itu, kajian terhadap DMS dengan pendekatan yang berbeza juga wajar dilaksanakan di kawasan kajian bagi mengekalkan kelestarian bahasa minoriti ini.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas pembiayaan dan kebenaran untuk menjalankan penyelidikan, Universiti Sains Malaysia (USM) atas kelulusan untuk menjalankan penyelidikan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan responden/informan di Daerah Muang Satun, Thailand atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

SUMBANGAN PENGARANG

Juwati Abdullah: Pengutipan data, penulisan bahagian pengenalan, sorotan kajian, metodologi, analisis data, perbincangan dan kesimpulan; Mohd Khaidir Abdul Wahab: Penulisan bahagian metodologi, sorotan kajian dan perbincangan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Semua data yang digunakan dalam kajian ini tersedia atas permintaan dan dapat diperoleh daripada pengkaji dengan kebenaran yang sewajarnya.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2019). *Bahasa Melayu di dataran Asia Tenggara: Pendekatan sejarah dan geolinguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coluzzi, P, Riget, P. N., & Xiaomei Wang. (2013). Language vitality among the Bidayuh of Sarawak (East Malaysia). *Oceanic Linguistics*, 52(2), 375–395.
- Coluzzi, P. (2017). The vitality of minority languages in Malaysia. *Oceanic Linguistics* 56(1), 210–225.
- Coluzzi, P. (2010). Endangered languages in Borneo: A survey among the Iban and Murud (Lun Bawang) in Temburong, Brunei. *Oceanic Linguistics*. 49(1), 119–143.
- Coluzzi, P, Riget, P. N., & Xiaomei Wang. (2017). Language vitality among the Orang Asli of Malaysia: The case of the Mah Meri on Telo ‘Gunjeng (Carey Island, Selangor). *International Journal of the Sociology of Language*, 244, 137–161.
- Coluzzi, P., Riget, P. N., & Kitade, R. (2018). Is the Baba Nyonya a doomed minority? A preliminary study on the vitality of Baba Malay in Melaka (Malaysia). *Grazer Linguistische Studien*, 89, 111–139. <https://doi.org/10.25364/04.45:2018.89.6>
- Conlon, K. T. (2012). *Ethnic violence in Southern Thailand: The anomaly of Satun* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Naval Postgraduate School, Monterey.
- Corbeil, J. P., Grenier, C., & Lafreniere, S. (2006). Minorities speka up: Results of the survey on the vitality of the official language minorities. *Catalogue no.91-548-XIE*. Dicapai daripada www.statcan.gc.ca
- Makwana, D., Engineer, P., Dabhi, A., & Chudasama, H. (2023). Sampling methods in research: A review. *International Journal of Trend in Scientific Research and development*, 7(3), 762–768.
- Fishman, J. A. (1972). *Language in sociocultural change*. (Essays by Joshua A. Fishman, selected and introduced by Anwar S. Dil). Stanford University Press.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing language shift: Theory and practice of assistance to threatened languages*. Multilingual Matters.

- Giles, H., & Johnson, P. (1981). Ethnolinguistics identity theory: A social psychological approach to language maintenance. *International Journal of the Sociology of Language*, 68, 69–99. <https://doi.org/10.1515/ijsl.1987.68.69>
- Grosjean, F. (1982). *Life with two languages, an introduction to bilingualism*. Harvard University Press.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, & Ruslan Uthai. (2016). Bahasa Melayu di Satun Thailand. Dlm. Noraini Md. Yusof, Muhamad Azwan Abd Rahman & Najatulmuna Hamdan (Pnty.), [Prosiding] *The Tenth International Malaysian Studies Conference (MSC10) Globalization and Regionalism: Malaysia in ASEAN (1869–1879)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah Jalaluddin, & Mohammad Fadzeli Jaafar. (2020). Pengekalan dan peralihan dialek Melayu Satun: Korelasi antara penggunaan bahasa dengan faktor umur penutur. *Jurnal Linguistik*, 24(2), 47–58.
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Chong Sin. (2023). Sikap dan persepsi penutur dialek Melayu Satun dalam pengekalan bahasa ibunda. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 11(1), 77–88. <https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1101-07>
- Holmes, J. (2013). *An introduction to sociolinguistics* (ed. ke-4). Pearson Education Limited.
- Hotma Simanjuntak. (2017). *Pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- James, J., & Rosazman Hussin. (2021). Impak aktiviti pelancongan ke atas komuniti setempat: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 211–224. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3612>
- Kamaruddin Isayah. (2019). *Analisis pemilihan dan percampuran bahasa dalam masyarakat Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sampel size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://psycnet.apa.org/record/1971-03263-001>
- Leo, A. R., & Abdullah, A. N. (2013). Language choice and use of Malaysian Tamil Christian Youths: A Survey. *Frontiers of Language and Teaching*, 4, 149–166.
- Lilis Siti Sulistyaningsih, Mahmud Fasya, Yulia Pertiwi Faisol, Septia Sari Wulandari, & Riska Listhya. (2017). Maintenance of local identity through intergenerational mother tongue continuity in multilingual tourism society (Sociolinguistics study at Carita Beach and Tanjung Lesung [Pembentangan Kertas Kerja]. *International Seminar on dialectology: Identity, attitude, and language variation “changes and development of language in social life”*
- Mohammed Azlan Mis. (2020). *Pilihan bahasa dan Lingua Franca*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Fadzeli, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis, & Hayati Lateh. (2015). Bahasa sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan vs peralihan bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(1), 1–9.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, & Dicky Wiwittan Toto Ngadiman. (2024). Pilihan bahasa dalam kalangan mahasiswa di Pulau Pinang dalam domain keluarga dan pendidikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 4(2), 31–45. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v14i2.10482>
- Muhammad Ekmal. (2018). Pulau Koh Yao gamit rakyat Malaysia. *Media Permata*. <https://mediapermata.com.bn/pulau-koh-yao-gamit-rakyat-malaysia/>
- Ni Made Dhanawaty, Ni Luh Nyoman Seri Malini, Ni Made Wiasti, & Ida Bagus Putra Yadhya. (2020). Language and social identity: Language choice and language attitude of diaspora communities in Bali. *Pertanika. Journal of Social Science and Humanities*. 28(2), 979–993.
- Nomnian, S., Trupp, A., Niyomthong, W., Tangcharoensathaporn, P., & Charoenkongka, A. (2020). Language and community-based tourism: Use, needs, dependency, and limitations. *Austrian Journal of South-East Asian Studies*, 13(1), 57–79.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Harishon Radzi. (2020). Peralihan bahasa dalam kalangan dua generasi cham Malaysia. *Akademika*, 90(2), 75–89. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9002-07>
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriada Santa Tinggom, Siti Noraini Hamzah, & Hayati Lateh. (2019). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu kajian perbandingan berasaskan geographic information system (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(1), 77–96. <http://doi.org/10.17576/gema-2019-1901-05>
- Noriah Mohamed, & Omar Yusoff. (2010). Tinjauan identiti dan bahasa hibrid dalam kalangan Samsam, Baba Nyonya dan Jawi Peranakan di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28(8), 35–61. <https://myjurnal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=13877>
- Norizah Ardi, & Nor Hisham Osman. (2010). Pemeliharaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat Islam di Satun, Thailand. http://mabbim.dbp.my/wordpress/wp_content/uploads/2015/04/03_Dr._Noriz_ah_Ardi_Malaysia_.pdf
- Roscoe, J. T. (1975) *Fundamental research statistics for the behavioral sciences*. (ed. ke-2). Holt Rinehart and Winstoneds.
- Sa'adiah Ma'alip. (2019). Tahap keterancaman bahasa masyarakat kreol di Melaka. *Akademika*, 89(Isu khas), 109–123. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-10>
- Saidatul Nornis Mahali, Aisyah Tamby Omar, & Wong Mee Mee. (2022). Domain dan pemilihan bahasa generasi muda murut di daerah Keningau, Sabah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 2(33). 119–139. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-07>

- Sanmamood, N. (2024). Perceived needs and problems of English use among vendors at satun tourism objects in (South) Thailand. *Universitas Islam Indonesia*. dspace.uui.ac.id/123456789/51799
- Satun Travel Guide. (2025). <https://www.asiakingtravel.com/attraction/satunBagi>
- Siebenhütter, S. (2021) Language practices and attitudes among young minority language speakers in Thailand, *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 42(7), 595–620. <https://doi.org/10.1080/01434632.2019.1711102>
- Siti Noraini Hamzah. (2018). *Penyebaran bunyi dan leksikal dialek-dialek di Perak: Analisis geolinguistik* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://ptsldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/497627>
- Sumaiyah Menjamin. (2018). Bentuk sapaan dalam bahasa Melayu Dialek Satun, Thailand Selatan. *Jurnal Ilmiah Bahasa dan Sastra (MABASAN)*, 11(1), 63–83. <https://doi.org/10.26499/mab.v11i1.52>
- Teo Kok Seong. (2000). *Sosiolinguistik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Labour Force Survey 2022–2023. (2024). Satun Provincial Statistical Report. <https://satun.nso.go.th/reports-publications/provincial-statistics-report/satun-provincial-statistical-report-2023.html>
- Tomioka, Y. (2019). Language attitudes towards Kuay and Bru: Case studies in Surin and Ubon Ratchathani, Thailand [Pembentangan Kertas Kerja]. *8th International Conference on Austroasiatic Linguistics the Myanmar Center at the Faculty of Humanities, Chiang Mai University, Thailand* (29-31 Ogos 2019).
- Tourism and travel-related services. World Trade Organizations (WTO). Dicapai daripada https://www.wto.org/english/tratop_e/serv_e/tourism_e/tourism_e.htm?utm_source=chatgpt.com
- UNESCO. (2003). *Language vitality and endangerment*. International Expert Meeting on UNESCO Programme Safeguarding of Endangered Languages. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000183699>
- UNESCO. (2011). *Language vitality and endangerment*. International Expert Meeting on UNESCO Programme Safeguarding of Endangered Languages. <https://ich.unesco.org/doc/src/00120-EN.pdf>
- Warid Charoenrad (2022). A study of usage phenomenon on Melayu verbs of motion in La-Ngu district, Satun Province. *Academic Journal for the Humanities and Social Sciences*, 5(3), 82–94.